

Perpaduan ummah bukan mustahil

Komentari



Dr Muhammad Razak Idris

Setiausaha Agung Majlis Dakwah Negara (MDN) dan juga pensyarah Fakulti Pengajian Islam UKM

Satu Multaqa Perpaduan Ummah akan berlangsung hari ini yang dianjurkan oleh Majlis Dakwah Negara (MDN)-YADIM dengan kerjasama beberapa pertubuhan Islam. Persidangan ini penting kerana ia sebuah inisiatif oleh perkumpulan masyarakat madani atau sivil yang berkongsi aspirasi dan kesedaran terhadap kepentingan persoalan perpaduan ummah diperkukuhkan di negara kita.

Ramai yang ragu mengenai iktidar dan langkah menggerakkan perpaduan ummah ini, malah ada yang merasakannya sebagai satu inisiatif terlalu ideal dan mustahil dicapai. Sikap ini disandarkan pada anggapan iaitu tabiat semula jadi individu dan masyarakat adalah cenderung kepada perbezaan dan ini secara lumrahnya akan membawa kepada pertentangan dan perpecahan.

Wujud kebetulan tersendiri pada tanggapan itu, namun ia bukan mewakili kebenaran menyeluruh. Aspirasi kita dalam menggerakkan inisiatif perpaduan ummah berasaskan pemikiran yang menerima konsep perbezaan dalam kehidupan ini sebagai suatu tabiat semula jadi daripada penciptaannya. Agama Islam memperakui perbezaan yang wujud dalam kehidupan sebagaimana tergambar dalam pelbagai realiti kejadian di dunia ini.

Namun, perbezaan dalam tasa-

wur pemikiran Islam bersifat harmoni. Perbezaan yang dianjurkan agama tidak semestinya membawa kepada natijah pertentangan dan permusuhan. Ia sewajarnya mengarah kepada proses saling mempelajari antara pelbagai keunikan serta bersama memanfaatkan setiap kekuatan yang dimiliki antara satu dengan lain.

Konsep perpaduan ummah yang ingin dikembangkan menerusi Multaqa yang dianjurkan itu berasaskan prinsip kesatuan dalam kepelbagaian. Ia bererti, perpaduan ummah itu hendaklah meliputi segenap sektor dan kedudukan individu dan perkumpulan dalam masyarakat. Menerusi konsep ini, tiada siapa pun akan berasa ketinggalan atau terpinggir dari semangat perpaduan yang ingin dibentuk.

Setiap segmen dari komuniti masyarakat yang luas dan pelbagai mempunyai ruang dan peluang saksama di dalam menyumbang ke arah pembangunan negara menerusi semangat perpaduan ummah yang terbina.

Model perpaduan ummah pada era awal kerasulan Nabi Muhammad sebagaimana tergambar dalam peristiwa Hijrah serta kesatuan yang terbentuk menerusi pengenalan Piagam Madinah adalah ideal yang menjadi kerinduan dan himbuan untuk direalisasikan dalam kehidupan ummah masa kini.

Dalam hubungan ini, perpadu-

an ummah ialah sebuah wasilah atau medium yang merangkumkan seluruh pandangan dan tindakan dalam sebuah aturan yang tersusun dan berhaluan.

Perpaduan ini didorong oleh sebuah cita-cita bersama yang luhur mengenai tanggungjawab kita sebagai warga ummah bagi menyumbang kepada kemakmuran kehidupan yang luas. Perpaduan yang terbentuk akan berfungsi sebagai penggerak yang menyatukan kekuatan serta membina sebuah kesepaduan utuh bagi memajukan negara dan seterusnya membina semula tamadun ummah mencapai kegemilangannya.

Aspirasi perpaduan

Persoalan penting kini ialah bagaimana untuk merealisasikan aspirasi perpaduan ummah yang luhur dan murni itu? Sebagai satu agenda dakwah jangka panjang serta memahami pula persoalan perpaduan ialah antara isu peradaban Islam yang paling mencabar di era ini. Langkah awal hendaklah didahului menerusi dua proses iaitu kependidikan dan sosialisasi. Matlamat akhir dari dua langkah ini ialah bagi membina persefahaman dan membangunkan jiwa perpaduan ummah di kalangan pelbagai peringkat individu dan kumpulan.

Pada Multaqa itu, sejumlah warga masyarakat madani dari kalangan individu politik, intelek-

tual, budayawan, birokrat dan teknokrat akan menyumbang buah fikiran dan cadangan mereka bagi menjayakan perpaduan ummah di negara kita secara khusus.

Kematangan, pengalaman dan keilmuan mereka menjadi cagaran terpenting bagi tujuan membahaskan usul-usul berbentuk praktikal yang boleh diaplikasikan dalam realiti masyarakat kita hari ini.

Persoalan dan realiti perpecahan yang terjelma dalam masyarakat semasa sama ada berbentuk perbalahan politik atau perbezaan fahaman keagamaan perlu ditangani menerusi langkah jangka panjang dan pendek secara hikmah dan bertahap.

Harapan besar ini amat didambakan oleh seluruh masyarakat supaya satu kehidupan bernegara yang harmoni, makmur dan sejahtera dapat direalisasikan dalam tempoh terdekat. Seluruh ummah mengimpikan sebuah perjalanan masyarakat dan negara yang tertib, teratur dan seimbang dalam segenap segi urusan pentadbiran dan pemerintahan.

Perpaduan yang direalisasikan nanti diharap dapat membina satu kekuatan jitu dalam negara yang dilihat sebagai satu asas penting mempersiapkan umat Islam di Malaysia sebagai peneraju dan pemimpin ke hadapan dalam kalangan warga dunia Islam hari ini bagi menjayakan agenda pembinaan semula tamadun ummah pada masa akan datang.